

IBBM yakin sektor kewangan tetap ambil pekerja baru

INSTITUT Bank-Bank Malaysia (IBBM) yakin sektor kewangan tempatan akan terus mengambil pekerja baru walaupun ketika negara berdepan kelemahan ekonomi.

Ketua Eksekutifnya, Dr Mohd Kamal Khir, berkata ini berdasarkan kira-kira 150 hingga 200 peluang kerjaya ditawarkan industri insurans selain peningkatan iklan bagi jawatan kosong di sektor perbankan.

“Walaupun dalam keadaan ekonomi seperti ini, kami dapati masih banyak bank yang mengiklankan kekosongan jawatan.

“Ini bermakna ketika semua pihak berhati-hati dengan perkembangan semasa, masih wujud keperluan bagi pihak bank menggaji pekerja baru.

“Kami juga dapati sektor insurans turut menawarkan banyak peluang pekerjaan dengan kekosongan yang perlu di isi segera,” katanya selepas melancarkan laman web Program

Penambahbaikan Tenaga Mahir Sektor Kewangan (FSTEP) di Kuala Lumpur, semalam.

Laman web itu direka khusus bagi meningkatkan dan memperkenalkan jenama FSTEP sebagai program perintis yang dihasilkan industri perkhidmatan kewangan dengan sokongan Bank Negara Malaysia bagi memenuhi keperluan kemahiran dalam industri itu.

Sementara itu, Ketua FSTEP, Lee Khee Joo, berkata melalui pelancaran laman web baru itu pihaknya menyoalakan peningkatan jumlah graduan tempatan dan luar negara untuk program yang ditawarkan.

Katanya, laman web itu akan membantu pihaknya memperkenalkan FSTEP kepada graduan luar negara yang berminat menyertai program itu sebagai langkah meningkatkan jumlah penyertaan mereka yang kini hanya 10 peratus.